

06/11/2000

Umno sudah jangka Ezam akan buat cabaran minta didakwa

KUALA LUMPUR, Ahad - Umno memang sudah menduga bahawa Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohd Ezam Mohd Noor, akan mencabar pihak berkuasa supaya mendakwanya berkaitan pembabitannya memburuk-burukkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut umno.online, iaitu laman web rasmi Umno, perkara itu memang diinginkan oleh Mohd Ezam supaya dia menjadi hero rakyat terbanyak dan ingin menunjukkan kononnya dia dizalimi.

"Namun, dalam waktu dia sibuk mengakui yang dialah pihak bertanggungjawab mengadakan kempen memburuk-burukkan pemimpin negara supaya negara luar mengenakan tekanan terhadap Kerajaan Malaysia.

"Setiausaha Agung Keadilan, Mohd Anuar Tahir, pula beria-ia menidakkan peranan Keadilan dalam kempen memburuk-burukkan Malaysia," kata laporan yang disiarkan laman web itu.

Ia mempersoalkan kenapa berlaku percanggahan pendapat di antara keduanya yang jelas menunjukkan wujud konflik dalam parti pimpinan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail itu.

Laman itu menyatakan hanya mereka di dalam Keadilan yang tahu betapa meruncingnya perpecahan itu hinggakan di dalam isu sebesar inipun, parti Keadilan tidak dapat mengeluarkan satu kenyataan yang senada.

"Atau mungkinkah Ezam derhaka bertindak sendirian? Mungkinkah Ezam cuba mencari pengaruh politik peribadi seperti mentornya Datuk Seri Anwar Ibrahim. Jika demikian kenyataan Mohd Anuar, ia perlu dilihat sebagai usaha-usaha untuk membersihkan unsur-unsur Anwarisme dari dalam Keadilan.

"Nampaknya, Ezam di dalam usaha untuk mengubah persepsi rakyat dan orang ramai terhadap dirinya sebagai pengkhianat negara kepada hero negara telah membelakangkan partinya," kata laman itu.

Ia menyatakan sekarang ini, pengkhianat yang mencuba sedaya upaya untuk mengubah wajahnya kepada seorang hero kini berdiri sendirian.

Katanya, bukan saja rakyat Malaysia membenci dan meminggirkannya, malah rakan dan partinya sendiri secara perlahan-lahan mengucapkan selamat tinggal kepada Ezam.

Dalam laporan yang sama, umno.online turut menyifatkan tindakan sekumpulan ahli Kongres Amerika Syarikat yang memfailkan satu resolusi mendesak kerajaan negara ini menggugurkan semua tuduhan terhadap Anwar atau mengadakan perbicaraan baru, sebagai sesuatu yang biadap.

Ia menyatakan cubaan untuk campur tangan dalam hal ehwal negara ini jelas mempunyai maksud yang tersirat melampaui batas menghormati kedaulatan negara lain.

"Walaupun cuba berlindung atas nama keadilan, namun ahli kongres yang terbabit dalam memfailkan resolusi ini sebenarnya adalah manusia yang tidak senang dengan kemakmuran dan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia.

"Sebagai contoh, salah seorang daripada ahli kongres itu adalah Robert Wexler yang pernah membuat satu resolusi pada 1998 yang mendesak agar Dr Mahathir meminta maaf secara terbuka atau meletak jawatan kerana menyatakan terdapat konspirasi Yahudi dalam kegiatan spekulasi mata wang rantau ini.

"Semua negara pada peringkat antarabangsa mengakui kehebatan dan kelantangan pemimpin negara memperjuangkan segala bentuk diskriminasi yang dilakukan kuasa besar terhadap negara membangun dan miskin. Ini termasuk usaha bersungguh-sungguh mereka bagi menghalang kebangkitan negara Islam," kata laman itu.

Ia menyatakan tindakan biadap itu juga dilihat sebagai usaha terdesak pihak terbabit setelah cubaan meracuni fikiran rakyat melakukan rusuhan tidak mendapat sambutan.

Namun, katanya, rakyat bukanlah mudah untuk digula-gulakan dengan retorik palsu mereka.

(END)